

Selasa, 12 Mei 2020 | 10:45am

## Aduan lengkap memudahkan siasatan - Rosol

Oleh Baharom Bakar  
bhnews@bh.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengingatkan pengguna supaya mengemukakan maklumat lengkap ketika membuat aduan bagi memudahkan proses siasatan.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, berkata tindakan itu juga bagi mengelak rasa tidak puas hati dan tohmahan orang ramai terhadap kementerian apabila tindakan tidak dapat dilakukan berikutan kekurangan atau ketiadaan maklumat tepat.

"Saya minta orang ramai beri laporan tepat mengenai jenis barang, premis dan tempat di mana berlaku bagi memudahkan siasatan serta tindakan diambil... bukan berasaskan dengar-dengar cakap sahaja.

"Jika ada maklumat tepat dan sahih, pihak kami tidak akan berkompromi dan tindakan tegas akan diambil kepada peniaga lebih-lebih lagi pada masa sekarang, rakyat sedang berada dalam kesusahan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat kilang syarikat pengeluar produk dalam tin, Pertama Terengganu Sdn Bhd, di sini, semalam.

Rosol merujuk kepada aduan kacang buncis dijual RM13.50 satu kilogram (kg) yang disifatkannya tidak tepat dan dibuat secara rambang.

Beliau menjelaskan siasatan mendapati ia dijual antara RM5.30 sen dan RM10 setiap kg.

"Walaupun aduan tidak tepat, ia menunjukkan pegawai dan anggota penguat kuasa sentiasa turun padang serta menyiasat setiap aduan diterima.

"Bagi melancarkan setiap operasi, saya mengingatkan pengguna supaya memberi maklumat aduan yang lengkap bagi memudahkan proses siasatan," katanya.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada 18 Mac lalu, sebanyak 86 kes daripada 2,772 aduan sudah dikenakan tindakan.

Beliau berkata, kebanyakan aduan berkaitan dengan isu bekalan pelitup muka yang tidak cukup disebabkan pembelian panik, selain tindakan sesetengah peniaga tidak bertanggungjawab yang menyorok bekalan.

"Jumlah aduan tinggi direkodkan adalah ketika PKP fasa satu, tetapi selepas masuk PKP fasa dua bilangannya semakin mendatar dan tidak banyak isu timbul," katanya.



Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid (dua kanan) meninjau proses pengeluaran dan pembuatan sardin ketika program lawatan di PERTIMA Terengganu Sdn Bhd. - Foto NSTP/Ghazali Kori

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/687824/aduan-lengkap-mudahkan-siasatan-rosol>